



PENTING

PENDAFTARAN KURSUS PENGAJIAN (PKP) BAGI SEMESTER I SESI 2019/2020

MAKLUMAN

1. Tarikh PKP bermula dari (3) hingga (17) Ogos 2019.

2. Langkah membuat PKP:

- **Langkah 1:** Dapatkan Borang PKP melalui dari laman sesawang rasmi KUPU SB (muat turun) atau Kaunter Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA).
[Klik untuk muat turun Borang PKP](#)
- **Langkah 2:** Lengkapkan borang dengan mengisi kursus yang perlu didaftar dan dapatkan pengesahan (tandatangan) dari Dekan/Pengarah fakulti/pusat yang berkenaan. Borang PKP juga perlu diakui/disahkan oleh pelajar.
- **Langkah 3:** Daftarkan kursus yang telah disahkan fakulti/pusat secara atas talian melalui pautan <https://tinyurl.com/PKPReg>
- **Langkah 4:** Hantar Borang PKP yang lengkap ke BHEA tidak lewat dari tarikh yang telah ditetapkan. Selesai.

3. Sila rujuk Struktur Kursus yang ditawarkan bagi Semester I Sesi 2019/2020.

Perhatian/Arahan kepada mahasiswa/i:

1. Mahasiswa/i hendaklah mengisi dan memastikan semua keterangan dalam borang berkenaan adalah tepat.
2. Mahasiswa/i hendaklah **mengambil perhatian kepada kursus-kursus yang perlu diulang (gagal)** dan mendapatkan pengesahan mengulang kursus berkenaan dari fakulti/pusat yang menawarkan kursus tersebut.
3. Kursus-kursus yang didaftar adalah tertakluk kepada perubahan dengan kebenaran yang berkaitan.
4. Kursus yang didaftar hendaklah disahkan dengan tandatangan dari Dekan/Pengarah fakulti/pusat berkenaan.
5. **Kursus-kursus yang telah disahkan hendaklah didaftar secara atas talian melalui pautan web yang disediakan.** Borang PKP yang lengkap hendaklah dikembalikan ke Unit Peperiksaan & Pengijazahan (UPP), Bahagian Hal Ehwal Akademik, KUPU SB tidak lewat dari tarikh yang ditetapkan bagi semester berkenaan.
6. Bayaran sebanyak B\$50.00. (Lima Puluh Ringgit Brunei Sahaja) akan dikenakan kepada mahasiswa/i jika lewat mengembalikan borang berkenaan dari tarikh yang ditetapkan bagi semester berkenaan.
7. Kursus yang telah mendapat pengesahan akan disenaraikan dalam **Slip Pendaftaran Peperiksaan Akhir (SPPA)** yang akan dikeluarkan oleh UPP.
8. Mahasiswa/i yang tidak mengembalikan/ belum menjelaskan bayaran lewat mengembalikan borang PKP, adalah **dikira tidak mendaftar** pada semester berkenaan dan SPPA mahasiswa/i berkenaan tidak akan dikeluarkan.
9. **Mahasiswa/i adalah bertanggungjawab dalam mengurus dan memastikan pendaftaran kursus/kursus ulangan masing-masing, borang PKP dan SPPA.**
10. Sila hubungi UPP bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut.